



NOTIS MAKLUMAN

PENGGUNAAN BORANG GRATUITI BAGI PENYELESAIAN PENUH PEMBIAYAAN MELALUI WANG GANJARAN

Dimaklumkan **berkuatkuasa 17 Mac 2025**, semua permohonan bagi penyelesaian penuh pembiayaan melalui wang ganjaran persaraan oleh pelanggan yang bersara hendaklah menggunakan Borang Permohonan Penyelesaian Penuh Pembiayaan Perumahan Melalui Potongan Wang Ganjaran Persaraan.

Pengenalan borang ini adalah untuk memudahkan pelanggan mengemukakan Permohonan Penyelesaian Penuh Pembiayaan Perumahan Melalui Potongan Wang Ganjaran Persaraan.

Borang ini boleh dimuat turun melalui Laman Web Rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my atau boleh dimuat turun [di sini](#). Pelanggan hendaklah memastikan borang tersebut diisi dengan lengkap serta ditandatangani dan boleh dikembalikan melalui [Portal eTiket](#) atau diposkan ke alamat LPPSA seperti berikut:

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan e-Kaunter, Live Chat melalui aplikasi LiA Chatbot di laman sesawang LPPSA, Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my> / atau menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03- 88801600.

17 MAC 2025